

KAJIAN PERBANDINGAN PIAWAIAN HALAL ANTARA MALAYSIA DAN NEGARA BRUNEI

Mohd Al' Iksan B Ghazali, Siti Salwa Md. Sawari

Universiti Teknologi Malaysia.

salwa.sawari@gmail.com

Abstrak

Mutahir ini produk halal di peringkat antarabangsa semakin menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Dengan meningkatnya pengeluaran pelbagai produk di pasaran menyebakan perlunya kepada standard halal yang selari. Sehubungan dengan itu, penyelidikan dijalankan bertujuan untuk mengkaji dan mencari perbandingan piawaian halal yang digunakan di Malaysia dan juga Brunei. Tambahan itu juga kajian turut meneroka kelebihan dan kekurangan di dalam standard halal yang dilaksanakan di Malaysia dan Brunei. Bagi mencapai objektif kajian ini, pengkaji telah menggunakan metode pengkajian perpustakaan. Hasil daripada analisa yang dijalankan, kajian ini telah membuktikan bahawa standard halal yang digunakan di Malaysia dan Negara Brunei mempunyai ciri-ciri jaminan yang tersendiri. Terdapat persamaan dan perbezaan di antara standard halal yang dikemukakan oleh negara-negara ini. Antara persamaan yang diperolehi adalah secara asasnya, meletakkan Quran dan Sunnah sebagai teras utama dalam rujukan standard barang halal mereka. Merujuk kepada analisis kelebihan dan kekurangan standard piawaian halal Malaysia dapat disimpulkan Malaysia mempunyai Garis Panduan Produk Halal yang komprehensif dan menyeluruh di samping ruang lingkup undang-undang agama Islam sedia ada yang membantu pihak pengguna memantau produk halal di Malaysia serta di negara eksport yang mengakui standard Halal yang diguna pakai oleh Malaysia. Keadaan di Brunei hampir menyerupai Malaysia kerana kekurangan golongan pakar dalam pembangunan standard halal yang boleh digunakan oleh semua lapisan sama ada tempatan mahupun antarabangsa telah menyebabkan Brunei turut sama menawarkan penglibatan pelbagai pihak dari Malaysia. Hal ini menyebabkan penyeragaman standard halal Malaysia dan standard halal Brunei adalah hampir sama.

Katakunci: *Piawaian halal, Malaysia, Brunei*

PENDAHULUAN

Islam merupakan agama rasmi bagi negara Malaysia dan juga Brunei Darussalam (Abdullah Rahman Mahmood, Kamaruddin Salleh, Ahmad Sunawari Long & Faudzinaini Badruddin, 2009, Tun Abdul Hamid Mohamad, 2014). Isi makanan halal merupakan sesuatu yang tidak asing bagi kedua negara ini. Mutahir ini produk halal di peringkat antarabangsa semakin menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan selari dengan meningkatnya jumlah umat Islam di dunia. Tambahan pula kesedaran di kalangan masyarakat dunia telah meningkat apabila mereka mula memahami bahawa konsep halal yang di bawa oleh Islam adalah bersifat universal, komprehensif dan bukan bersifat keagamaan semata-mata. Dengan

meningkatnya pengeluaran pelbagai produk di pasaran menyebakan perlunya kepada standard halal yang selari. Sehubungan dengan itu, penyelidikan dijalankan bertujuan untuk mengkaji dan mencari perbandingan piawaian halal yang digunakan di Malaysia dan juga Brunei. Tambahan itu juga kajian turut meneroka kelebihan dan kekurangan di dalam standard halal yang dilaksanakan di Malaysia dan Brunei.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, yang mana ia berkaitan proses memahami maksud secara mendalam. Kaedah pengkajian perpustakaan telah digunakan untuk mendapatkan hasil kajian. Menurut Suwanto (2013), kaedah perpustakaan ini ialah satu cara sistematik terhadap maklumat-maklumat yang ingin diperolehi daripada sumber bacaan yang diperolehi.

Kekebalan standard halal dengan perlindungan undang-undang

Malaysia

Di Malaysia, KPDN dan HEP adalah kementerian yang bertanggungjawab di dalam hal ehwal produk makanan selain JAKIM yang terlibat secara langsung dengan pengeluaran sijil halal. Objektif KPDN dan HEP adalah untuk menggalakkan dan memudahkan perdagangan dalam negeri secara teratur dan sihat serta melindungi kepentingan pengguna. Sehubungan dengan itu beberapa peruntukan undang-undang berkaitan halal telah dirangka dan dikuatkuasakan sebagai contoh, pada tahun 1982, satu peraturan atau dasar bahawa semua daging import yang hendak dibawa masuk ke Malaysia mestilah halal telah dibuat.

Pada tahun 2004 Malaysia telah mengeluarkan standard halal MS1500:2004 iaitu garis panduan yang praktikal bagi industri makanan mengenai penyediaan dan pengendalian makanan halal atau peraturan asas produk makanan serta perdagangan atau perniagaan makanan. Garis panduan ini diguna bersama MS1480:1999 iaitu Keselamatan Makanan mengikut “Hazard Analysis and Critical Control Point” dan MS 1514: 2001 iaitu Prinsip Am Kebersihan Makanan.

Bagi membincarakan aspek ruang lingkup undang-undang di Malaysia, boleh dirumuskan secara umumnya, peruntukan undang-undang berkaitan halal adalah terkandung di dalam Akta Makanan 1983, Akta Perihal Dagangan 1972, Akta Perlindungan Pengguna 1999, Kanun Kesiksaan, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 dan enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri, Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Makanan) 1975 dan Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan Halal) 1975.

Brunei

Secara kesuluruhannya, di negara Brunei, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) adalah satu satunya badan yang bertanggungjawab penuh untuk mengawal dasar pemakanan halal dan

mengeluarkan sijil-sijil halal, permit dan label halal (Muhammad Pengiran Haji Abdul Rahman, 2013). Ini kerana, MUIB di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam telah menetapkan satu unit undang-undang untuk menangani hal-hal yang berkaitan dengan isu-isu barang halal. Undang-undang ini di letakkan di bawah Perlaksanaan Perintah Darurat Daging Halal 1998 dan Aturan-Aturan Daging halal 1999, (Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam, 2014). Antara perkara yang termaktub di dalamnya ialah mengendalikan segala urusan yang berkaitan dengan pensijilan halal di Brunei, Menguruskan dan menyelanggara pusat-pusat penyembelihan yang yang telah diiktiraf halal oleh Majlis Ugama Brunei, sama ada di dalam dan luar negeri.

Penubuhan undang-undang ini bermula sejak dari tahun 1997, yang mana tertubuhnya jawatankuasa Ad-Hoc yang telah menyebabkan tertubuhnya badan pengeluar permit import daging halal negara Brunei Darussalam. Berkesinambungan dari penubuhan ini, satu lembaga pengeluarkan Permit Import Halal dan Jawatan Kuasa Pemeriksa Pusat Penyembelihan telah ditubuhkan pada tahun berikutnya 1998. Seterusnya ia telah di naik taraf menjadi Bahagian Halal Haram Jabatan Hal Ehwal Syariah Kementerian hal Ehwal Ugama Brunei pada Januari 2001. Dn yang terkini ia telah menjadi Bahagian Kawalan Makanan Halal Jabatan Hal Ehwal Syariah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam (Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam, 2014).

Kelebihan piawaian standard halal

Malaysia

Malaysia menjadi Pengerusi kepada Persidangan Negara-negara Islam (OIC) dan telah menjadi hab Halal Dunia pada 2010. Sejajar dengan itu, Malaysia merupakan negara pertama dunia yang memperkenalkan standard halal secara menyeluruh dan meluaskan konsepnya melalui penggunaan e-halal. Ini dapat dilihat melalui Standard Malaysia, standard makanan halal merangkumi aspek pengeluaran, penyediaan, pengendalian dan penyimpanan. Di dalamnya juga mengandungi beberapa kriteria yang perlu dipatuhi iaitu Garis-garis panduan yang Praktikal bagi Industri Makanan mengenai Penyediaan dan Pengendalian Makanan Hakal, Peraturan Asas bagi Produk Makanan serta Perdagangan atau perniagaan Makanan di Malaysia (MS 1480:1999), Keselamatan Makanan Mengikut Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP) dan MS1514:2001 serta Prinsip Am Kebersihan Makanan.

Telah digunakan diperingkat antarabangsa dan mendapat kepercayaan dari negara-negara OIC sebagai peneraju standard halal di antara negara-negara Islam. Selain itu, kelebihan MS1500:2009 ialah penekanan terhadap nilai-nilai Islam dan pegangan terhadap prinsip Islam di dalamnya seperti menjamin kualiti dan standard produk dan perkhidmatan yang berterusan yang akan dipastikan melalui surveillance audit (audit pengawasan). Proses penghasilan makanan, aspek pengeluaran, penyediaan, pengendalian dan penyimpanan juga menjadi garis panduan kepada pengeluar dalam memastikan produk yang dihasilkan adalah benar-benar menepati Halal yang dimaksudkan Islam.

Malaysia telah mendahului negara-negara lain dalam menghasilkan standard Halal. Hal ini dapat dilihat apabila Bahagian hab Halal Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM) telah mencipta sejarah dalam Industri Halal Global dengan menjadi badan persijilan pertama di dunia yang mengguna dan mengesahkan pengeluaran produk farmaseutikal Halal pertama dunia. Dengan pengeluaran Standard Halal bagi barang atau produk farmaceutical yang halal dalam membantu pengeluar atau pengilang. Walaupun masih baru, MS2424:2012 mampu membantu pengeluar atau pengilang menghasilkan produk ubatan yang mengikut Syariah. Selain itu, ianya juga mengandungi garis panduan dalam memastikan kualiti pengurusan (QM) dalam menghasilkan barang atau produk ubatan yang baik dan bagus. Sebelum terdapatnya Standard halal Farmaseutikal ini, Standard Makanan Halal telah dirujuk serta kaedah yang diguna pakai oleh semua pengeluar. Walau bagaimanapun, kaedah tersebut adalah tidak ideal kerana Standard Makanan Halal tidak diolah untuk menangani kompleksiti yang berkaitan dengan sector farmaseutikal.

Standard halal merupakan suatu langkah dalam memastikan pengesahan dan persijilan halal yang diberi mematuhi sebenar-benar pematuhan mengikut ketetapan Syariah. Ini kerana, badan-badan atau organisasi yang dilantik secara rasmi bertanggungjawab dalam memastikan garis panduan produk halal itu diikuti. Seperti di Thailand, yang mana masyarakat Islam merupakan minoriti di sana dan dalam memastikan sesuatu produk itu boleh digunakan oleh pengguna Islam, kerajaan Thailand telah melantik Jawatan kuasa Pusat Islam Thailand yang mana merupakan badan berkanun yang bertindak bagi memastikan kelancaran dan kecekapan pengurusan Halal di negara berkenaan.

Bagi Malaysia pula, usaha untuk membangunkan sesuatu piawaian industri terletak di bawah tanggungjawab SIRIM Berhad. SIRIM Berhad menerusi Jawatankuasa-jawatankuasa Piawaian Industri (Industry Standards Committee atau ISC) yang ditubuhkannya telah membangunkan pelbagai piawaian dan salah satu piawaian tersebut ialah MS1900:2005 Quality Management Systems : Requirement From Islamic Perspectives atau ringkasnya MS1900:2005. MS1900:2005 ini merupakan salah satu piawaian halal yang berjaya dihasilkan oleh Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Islami yang bernaung di bawah Jawatankuasa Standard Industri Bagi Standard Halal (ISC I), iaitu salah satu ISC yang diwujudkan oleh SIRIM Berhad. Walaubagaimanapun, standard halal ini telah diberi tanggungjawab kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam memastikan persijilan Halal dan memantau industri Halal di Malaysia. Antara agensi yang terlibat dalam menggubalakn standard MS1500:2009 ialah Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia.

Institut Kualiti Malaysia, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia, Jabatan Standard Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Kesihatan Malaysia, Sirim Berhad, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Putra Malaysia serta Universiti Teknologi Mara. Hal dapat merumuskan kesungguhan Malaysia dalam memastikan standard halal yang dibangunkan dapat diterima pakai oleh pengguna dan pengusaha Islam tetapi oleh

semua golongan masyarakat terutamanya Malaysia yang dikenali dengan kepelbagaian bangsa dan agama.

- i. Kelebihan Piawaian Halal Malaysia juga terletak pada penggunaan Sistem Jaminan Halal (SJH). Ini dapat dilihat dari segi keperluan dan kepentingan, SJH membantu memastikan status ke Halalan bahan mentah, proses dan produk yang mendapat pengiktirafan sijil Halal adalah dijaga dan dipantau sepanjang masa secara berterusan. Hal ini dapat mengukuhkan serta menguatkan lagi standard halal yang digunakan kerana faktor geografi Malaysia yang specific dan strategic dalam memastikan Halal di seluruh Negara setara dan seragam. Berbeza dengan Negara-negara yang mempunyai bentuk muka bumi yang luas dan berpulau seperti Negara Indonesia, kerana kemungkinan memastikan keseragaman standard halal itu sukar dan mengambil masa yang lama oleh pihak yang telah dilantik.

Brunei

Negara Brunei pula, standard halalnya terletak di bawah Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Agama Brunei Darussalam. Bahagian Kawalan Makanan Halal (HFDC) telah bertanggungjawab untuk memantau penguatkuasaan pensijilan halal terhadap produk serta makanan yang dikeluarkan oleh orang Islam di negara Brunei.

Kelemahan piawaian standard halal

Malaysia

Seiring dengan perkembangan positif piawaian halal MS1500:2009 yang telah menjadi dokumen rujukan rasmi dalam proses pensijilan halal di Malaysia. Piawaian MS1500:2009 terus mendapat sambutan dalam industri makanan halal sehingga di peringkat global malah di negara bukan Islam juga. Namun begitu, sehingga kini masih terdapat beberapa kelemahan yang dikaitkan dengan jaminan kualiti halal masih lagi kedengaran di ruang media elektronik dan masih lagi kelihatan di helaian media cetak. Hal ini secara tidak langsung dilihat memberi kesan negatif kepada Malaysia dalam membangunkan hab halal.

Merujuk kepada beberapa pembacaan dan penelitian, antara isu yang dilihat telah menyumbang kepada kekangan pengurusan kualiti standard halal melalui penggunaan piawaian halal MS1500:2009 ialah mengenai isu integriti halal dalam operasi pengeluaran makanan. Secara komprehensifnya, perkara seperti ini perlu diambil perhatian dari keseluruhan aspek jaringan bekalan makanan halal iaitu dari ladang hingga ke meja makan (*farm-to-fork*). Hal ini termasuklah penglibatan individu atau dinamakan sebagai pekerja, pengusaha atau pengurus yang mana integriti mereka dalam pengikuti standard yang telah ditetapkan diragui. Ini kerana, Kebanyakkannya pengusaha makanan tidak lagi mengamalkan piawaian kualiti makanan halal yang ditetapkan oleh MS1500:2009 setelah produk mereka memperoleh pengiktirafan halal dari JAKIM. Walaubagaimanapun, International Halal Integrity Alliance (IHIA) sebuah badan bukan

kerajaan telah ditubuhkan bagi memantau tahap integriti dalam melaksanakan standard halal dengan lebih efisien.

Selain itu, antara kelemahan yang dapat dilihat melalui dalam penggunaan standard halal ialah kelemahan Malaysia dalam meraikan perbezaan mazhab. Umum mengetahui bahawa Malaysia menggunakan mazhab Syafie dan Sunnah wal Jamaah. Ini kerana dalam Majlis Mesyuarat Raja-raja kali ke-13 pada 3 Disember 1984 memutuskan mazhab yang diamalkan di negara ini ialah Syafie dan Sunnah Wal Jamaah oleh itu penyebaran fahaman mazhab lain hendaklah dikawal dan aktiviti mereka dibenarkan kepada pengamalan bukan penyebaran.

Brunei

Brunei merupakan sebuah Negara maju yang dipimpin oleh pemimpin Islam dan majority penduduknya adalah beragama Islam. Pembangunan standard halal menjadi pemangkin dalam usaha menaik tarafkan ekonomi pembuatan dan perlادangan Negara ini. Meskipun keluasan Brunei hanya sepertiga Malaysia tetapi kelebihannya berjiran dengan Malaysia telah menyebabkan standard halal Brunei yang dibangunkan turut mendapat pengiktirafan dunia.

Namun kerana kekurangan golongan pakar dalam pembangunan standard halal yang boleh digunakan oleh semua lapisan sama ada tempatan maupun antarabangsa telah menyebabkan Brunei turut sama menawarkan penglibatan pelbagai pihak dari Malaysia. Hal ini menyebabkan penyeragaman standard halal Malaysia dan standard halal Brunei adalah hampir sama.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, tiga perkara utama dapat dirumuskan daripada kajian ini iaitu pertama menjurus kepada standard halal yang digunakan di Malaysia dan Brunei, kedua perbandingan di antara standard halal Malaysia dan Negara luar dan yang terakhir berkisarkan standard piawaian halal malaysian – kelebihan dan kekurangan. Pertamanya, kajian ini telah membuktikan bahawa standard halal yang digunakan di Malaysia dan Negara Brunei mempunyai ciri-ciri jaminan yang tersendiri, Brunei menggunakan standard halal PBD 24:2007 yang mana merangkumi empat garis panduan iaitu: Garis panduan untuk Pensijilan Halal (BCG Halal 1), Garis panduan untuk Audit Pematuhan Halal (BCG Halal 2), Garis panduan Pensijilan Halal bagi Juru audit (BCG Halal 3), Garis panduan bagi audit Pengawasan Halal (BCG Halal 4 manakala Malaysia, standard halal Halal merangkumi Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan – Garis Panduan Umum (MS 1500:2009). Rumusan kedua yang berkisarkan perbandingan di antara standard halal Malaysia dan Brunei, terdapat persamaan dan perbezaan di antara standard halal yang dikemukakan oleh negara-negara ini. Antara persamaan yang diperolehi adalah secara asasnya, meletakkan Quran dan Sunnah sebagai teras utama dalam rujukan standard barang halal mereka.

Merujuk kepada analisis kelebihan dan kekurangan standard piawaian halal Malaysia dapat disimpulkan Malaysia mempunyai Garis Panduan Produk Halal yang komprehensif dan

menyeluruh di samping ruang lingkup undang-undang agama Islam sedia ada yang membantu pihak penguasa memantau produk halal di Malaysia serta di negara eksport yang mengakui standard Halal yang diguna pakai oleh Malaysia. Dan usaha-usaha memantapkan lagi standard Halal Malaysia harus dijalankan bagi menambahbaikan segala kekurangan yang ada di samping menjadi negara contoh dalam mengeluarkan standard halal yang diiktiraf oleh dunia. Keadaan di Brunei hampir menyerupai Malaysia kerana kekurangan golongan pakar dalam pembangunan standard halal yang boleh digunakan oleh semua lapisan sama ada tempatan maupun antarabangsa telah menyebabkan Brunei turut sama menawarkan penglibatan pelbagai pihak dari Malaysia. Hal ini menyebabkan penyeragaman standard halal Malaysia dan standard halal Brunei adalah hampir sama.

RUJUKAN

- AbdullRahman Mahmood, Kamaruddin Salleh, Ahmad Sunawari Long & Faudzinain Badruddin, (2009). Penerimaan Bukan Islam Terhadap Proses Islamisasi Di Malaysia. Jurnal Hadhari 2(2009): 33-51.
- Tun Abdul Hamid Mohamad, (2014). Perlaksanaan huddu Di Brunei: Perbezaan Di antara Brunei dan Malaysia. Wacana Intelektual MDM-YADIM.
- Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam (2014). Unit Undang-Undang Di ambil 27/3/2014 dari http://www.religiousaffairs.gov.bn/index.php?ch=bm_muib&pg=bm_muib_profil&ac=103
- Letts, L., Wilkins, S., Law, M., Stewart, D., Bosch, J., & Westmorland, M., (2007). Guidelines for Critical Review Form: Qualitative Studies (Version 2.0). Di ambil pada 26/3/2014 dari http://www.srs-mcmaster.ca/Portals/20/pdf/ebp/qualguidelines_version2.0.pdf
- Malaysian Standard MS 1500:2009, (2009). Makanan Halal – Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan – Garis Panduan Umum (Semakan Kedua), Jabatan Standard Halal.
- Muhammad Pengiran Haji Abdul Rahman, (19 September 2013). MUIB Pastikan Pemakanan Halal Negara Terkawal. *Akhbar Pelita Brunei*. Di ambil dari <http://www.pelitabrunoi.gov.bn/nasional/item/5704-muib-pastikan-pemakanan-halal-negara-terkawal>